

Perbezaan Falsafah Nilai Menurut Kaca Mata Islam dan Barat

Dalam sejarah peradaban manusia, persoalan tentang nilai sentiasa mengalami proses penambahbaikan bersesuaian dengan realiti dan pencapaian kemajuan semasa yang dicapai oleh manusia. Revolusi pemikiran manusia dalam memperbaiki taraf kehidupan insaniah telah mencetuskan satu dimensi yang positif untuk merangka satu sistem tamadun manusia yang progresif dan bersifat *isustainable system*. Setiap masyarakat memiliki mekanisme yang tersendiri untuk merungki permasalahan yang dihadapinya. Justeru itu, masyarakat Islam mempunyai pertimbangannya yang tersendiri dalam menentukan nilai-nilai yang bersesuaian dengan ruh syariat dan dapat menampung realiti dan keperluan semasa masyarakat. Ajaran Islam dan budaya masyarakat telah menjadi asas kepada cerminan nilai masyarakat Islam amnya. Hanya nilai-nilai yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam sahaja diiktiraf sebagai nilai-nilai murni dalam Islam.

Dalam ruanglingkup Islam, setiap bidang komponen keperluan manusia adalah terikat dengan konsep pandangan hidup tauhid. Sejarah ketamadunan manusia telah melakarkan konsep pandang semesta manusia tidak pernah sunyi dari petunjuk keagamaan yang berorientasikan order tauhid. Meskipun manusia telah mencapai kemajuan dan kemodenan yang telah diciptakan namun ia hanya bersifat kuantitatif dan sentiasa mengalami perubahan. Berbeza pula dengan aspek ketauhidan yang memiliki ciri-ciri kualitatif dan universal sifatnya sentiasa memelihara keasliannya walaupun berbeza suasana dan tempat. Reformasi kerohanian yang berteraskan tauhid secara eksplisitnya memberi gambaran kepada manusia tentang hakikat kebenaran yang perlu dijadikan falsafah asasi kehidupan manusia. Asas pegangan inilah yang akan memberi kesedaran kepada manusia tentang hakikat kejadiannya dan objektif utama ia diutuskan atas muka bumi ini.

Oleh yang demikian, kerangka sistem nilai yang dicanai dengan ruh tauhid akan mencerminkan satu kebenaran tentang keindahan ajaran Islam yang diwarnai dengan nilai-nilai murni yang luhur. Nilai-nilai kolektif yang disaduri dengan nilai-nilai Islam akan menzahirkan ciri-ciri yang positif seperti keadilan, kesaksamaan, kebaikan dan memelihara kepentingan umum sepertimana yang telah termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah. Nilai-nilai yang diutarakan tersebut mempunyai falsafah keinsanan yang besar dan memberi isyarat bahawa manusia mempunyai nilai stratifikasi sosial yang sama tanpa wujud perbezaan sempadan dan geografi. Ia memberi pengajaran kepada manusia agar

tidak bertindak melampaui batas sehingga menimbulkan ketidakstabilan dan ketidakharmonian dalam hubungan manusia sesama manusia. Islam sentiasa mengutamakan sistem nilai yang adil dan bersih dari kecacatan yang boleh memberi implikasi yang negatif kepada sistem pembangunan masyarakat amnya melalui petunjuk wahyu.

Takrifan Nilai

Dalam konteks sistem perhubungan manusia, secara prinsipnya al-Quran telahpun menyentuh secara implisit atau sebaliknya dengan memberi panduan kepada manusia bagaimana bentuk interaksi dan mekanisme yang perlu diaplikasikan dalam institusi kemasyarakatan. Al-Quran bersikap emphasis terhadap falsafah nilai kepada insan kerana ia mencerminkan keperibadian personaliti seseorang muslim yang bertaqwa. Hakikatnya, pembangunan saksiah individu muslim tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa diikat dengan nilai-nilai murni yang luhur. Malik Bin Nabi menghuraikan dalam bukunya "Taamulat", institusi masyarakat juga turut dipengaruhi dengan dinamika sistem nilai sebagai prasyarat utama asas jaringan hubungan sosial yang bertepatan dengan kemaslahatan manusia.

Secara prinsipnya, teori nilai ialah untuk melihat penerimaan dan penilaian manusia terhadap sesuatu nilai sama ada diukur bentuk positif atau negatif. Ibn Manzur dalam "Lisan al-'Arab" mentafsirkan nilai juga merujuk kepada harga, kebaikan, keburukan dan penilaian berasaskan kepada pertimbangan domain-domain nilai yang ditentukan oleh manusia. Natijah daripada konsep tersebut, ia akan menjadi indikator kepada manusia untuk membuat penilaian dan penganalisaan terhadap aplikasi nilai tersebut dalam gelagat tingkah laku manusia. Sekiranya diterjemahkan dalam bentuk amalan praktikal, kerangka konsep nilai menjurus kepada pandangan nilai-nilai yang baik dan murni yang diterima oleh manusia sejagat. Barat pula berpandangan bahawa falsafah teori ini secara relatifnya sinonim dengan teori aksiologi.

Dikotomi teori nilai mempunyai fasa perjalanan sejarahnya yang tersendiri. Jika diukur dari aspek kematangannya dalam dunia akademik, tema teori nilai yang diperkenalkan pada akhir abad ke-19 masih lagi dianggap sebagai teori muda. Meskipun begitu secara eksplisitnya, teori ini mendapat perhatian yang sewajarnya dalam siri perbincangan dan kajian yang dijalankan oleh para sarjana. Dalam konteks falsafah pula, pemakaian teori ini telah lama diaplikasikan dalam perbahasan ilmiah oleh falsafah agung yang terkenal seperti Plato.

Menurut K. Bertens dalam karangannya "Sejarah Falsafah Yunani", penghuraian teori ini disentuh secara tidak langsung dalam idea "baik" diklasifikasikan sebagai nilai yang unggul dalam hirarki idea.

Umumnya, terdapat perbezaan pemahaman konseptual di antara moral dan benda yang baik. Moral yang baik merujuk kepada adab dan perbuatan yang dilakukan oleh manusia dan ianya dinilai sama ada baik atau dicela. Manakala benda yang baik pula diprojekkan kepada benda bukannya kepada manusia. Meskipun begitu, apabila membincangkan teori nilai ia tidak boleh dipisahkan di antara elemen moral dan benda baik sebaliknya kedua-dua elemen tersebut perlu dikombinasikan dalam satu domain yang menjadi topik perbincangan teori nilai. Nilai dapat difahami secara berbeza mengikut disiplin pengajian ilmu.

Pandangan Islam dan Barat Tentang Sistem Nilai

Golongan cendekiawan Barat banyak melakukan kajian terhadap nilai. Taylor dalam penulisannya "Normative Discourse" menjelaskan bahawa nilai merupakan kombinasi antara elemen darjah dan nilai normatif yang membentuk kerangka kehidupan manusia. Pandangan yang lain pula seperti Radhakamal Mukerjee "The Social Structure of Values" memberi pengertian bahawa nilai adalah terpancar daripada kemahuan dan motif yang dihasilkan serta diiktiraf oleh masyarakat dan budaya untuk mengekalkan keharmonian dalam kehidupan.

Gordon Willard Allport dalam "Pattern and Growth in Personality" berpendapat nilai merupakan set kepercayaan yang menyebabkan manusia menentukan sesuatu tingkah laku yang sesuai. Umumnya pengertian nilai dari perspektif sarjana Barat adalah berasaskan kepada kepercayaan yang terhasil berorientasikan penerimaan masyarakat berdasarkan pengiktirafan kosmologi dan pertimbangan akal manusia semata-mata. Barat tidak memperakukan adanya domain-domain rohaniah dalam jiwa manusia yang mempengaruhi citra hati budi manusia. Sarjana Barat hanya menitikberatkan keintelektualan manusia dalam menyelidik fenomena dan persekitaran zahiriah manusia tanpa diimbangi dengan ketentuan yang dituntut oleh agama. Menurut Prof Hashim Musa dalam kertas kerjanya "Citra Hati Budi Melayu" menjelaskan Barat tidak sependapat dalam mentakrifkan definisi nilai yang baik, ideal dan luhur. Golongan hedonis mentakrifkan nilai yang baik dapat memberi keseronokan kepada jiwa manusia (pleasure and happiness). >>> ms 20

“Dari dimensi Islam, nilai ialah ukuran piawaian kepada manusia untuk menilai sama ada sesuatu perkara, perbuatan atau perkataan itu baik, bermanfaat, mudharat, atau tercela”

Aliran positivistik berpendapat nilai yang baik cenderung kepada kesempurnaan (perfection). Aliran pragmatis menyimpulkan nilai yang baik dapat memenuhi impian dan obligasi semasa (fulfillment of current mission and duties).

Sehubungan dengan itu, Islam mempunyai pandangannya yang tersendiri dalam melihat teori nilai atau dikenali sebagai aksiologi. Dari dimensi Islam, nilai ialah ukuran piawaian kepada manusia untuk menilai sama ada sesuatu perkara, perbuatan atau perkataan itu baik, bermanfaat, mudharat, atau tercela. Sesuatu benda juga mempunyai nilai instrinsiknya sama ada ia mendatangkan faedah atau sebaliknya. Ironinya, mekanisme yang diaplikasikan oleh Islam untuk menilai sesuatu tindakan atau benda yang terangkum dalam elemen nilai perlu disaring dengan doktrinasi akhlak, hukum syariah dan tauhid. Melalui proses penyaringan inilah sesuatu nilai dapat dijustifikasikan ketentuannya sama ada dikategorikan sebagai wajib, sunat, makruh dan haram.

Oleh yang demikian nyatalah, pemahaman nilai dalam Islam bukanlah berdasarkan penilaian akhlah semata-mata ataupun apresiasi variasi budaya masyarakat sahaja. Sebaliknya, refleksi manusia terhadap nilai perlu dipandu dengan dalil-dalil naqliyah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Di pandang pada skala yang lebih umum, nilai yang diiktiraf oleh Islam ialah sebahagian daripada ketentuan agama. Berpegang kepada asas tersebut, nilai-nilai yang menimbulkan konflik dengan prinsip Islam sudah pastilah ia terkeluar daripada takrifan domain nilai menurut perundangan Islam. Dengan adanya garis panduan ini, ia

memberi kefahaman bahawa tidak wujud pengasingan di antara domain-domain nilai kompleks yang diutarakan oleh manusia dengan pengajaran agama Islam. Ia memberi satu gambaran yang jelas bahawa segala tindak tanduk manusia tidak pernah sunyi daripada prinsip Islam yang bersifat komprehensif.

Apabila teoritikal nilai ditanggapi sebagai sebahagian daripada pengajaran agama Islam, ianya akan dihayati dan dibudayakan dalam kehidupan insan. Nilai-nilai yang dilahirkan menerusi perakuan agama akan dipatuhi dan dihormati oleh manusia berasas keyakinan bahawa ianya bersumberkan dari Allah. Sifat inilah tidak ada pada teori nilai yang ditaja oleh pemikiran manusia, walau bagaimana tinggi sekalipun kreativiti dan intelektual manusia. Meskipun kelompok masyarakat mengiktiraf dan menghormati nilai-nilai yang baik tetapi pematuhan terhadap nilai-nilai tersebut begitu terhad berbanding dengan nilai-nilai yang terpancar dari ajaran agama. Hal yang demikian membuktikan wujudnya dikotomi pemahaman berkenaan konsep kebaikan yang bersifat universal sebagai nilai penghormatan yang dipersetujui secara consensus bagi seluruh masyarakat yang berperadaban. Walau bagaimanapun, sekiranya ia diterima pakai oleh masyarakat umum namun penerimaan pemahamannya definisi dan darjah-darjahnya masih lagi dipolemikkan berdasarkan kepada perbezaan tafsiran budaya dan suasana masyarakat. Mahmood Zuhdi dalam bukunya *Sejarah Pembinaan Hukum Islam* menukikkan bahawa sesuatu nilai hanya akan dihormati dan dipatuhi apabila ianya berasaskan kepada ketentuan agama. Nilai pegangan yang diiktiraf oleh Islam ialah perkara atau benda yang tidak

mendatangkan kemudharatan kepada manusia dan objektif syara' serta jagat sifatnya. Manifestasi sistem nilai yang ditunjangi dengan nilai-nilai rohaniah akan melahirkan insan-insan yang bertaqwa, beradab dan berakhlak untuk memakmurkan, membangunkan dan menerajui alam ini atas kapasitinya sebagai khalifatulard. Antara nilai-nilai positif yang terpancar dalam domain rohaniah seperti amanah, akauntabiliti, tidak cuai, tidak menyalahgunakan kuasa, integriti, jujur, setia, berdisiplin, benar, murni niat, tepati janji, rendah diri, suka membantu. Nilai-nilai positif lain adalah seperti menggunakan pertimbangan akal yang rasional dan kebijaksanaan bukannya emosi, tidak mengambil jalan mudah, profesional, berfikir secara kritis dan inovatif, mensyukuri nikmat Allah dan nilai-nilai luhur yang lain asalkan tidak menyalahi prinsip agama Islam. Lantaran itu, Islam melihat teori nilai dalam terma-terma yang mengandungi unsur-unsur akhlak seperti ganjaran, balasan, betul, salah syurga, neraka dan sebagainya.

Perbezaan Sistem Nilai Menurut Islam dan Barat

Teori nilai dalam Islam mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang eksklusif berbanding dengan teori nilai yang difahami oleh golongan Barat. Teori nilai Islam bersumberkan kepada wahyu Allah. Justeru itu, sekiranya berlaku pertentangan dengan ketentuan hukum syara' maka nilai tersebut dianggap sebagai bukannya dari nilai yang dituntut oleh agama dan bertentangan dengan kemaslahatan manusia amnya. Walau bagaimanapun, syara' juga tidak menafikan penglibatan manusia secara tidak langsung dalam mentafsir dan memahami sistem pembentukan nilai tersebut.

>>> ms 22

Skop Perbincangan

Huraian

Psikologi

Dalam konteks psikologi, teori nilai ialah kajian yang merujuk kepada kajian tentang pembangunan tingkah laku manusia. Di samping itu kajian juga merangkumi penerimaan nilai-nilai tertentu oleh manusia dan kesannya ke atas manusia sama ada ia diiktiraf atau sebaliknya. Bidang ini turut secara eksperimental kecenderungan nilai-nilai yang dipilih ke atas sebahagian nilai umum yang lain dan bagaimana pengklasifian itu dibuat berdasarkan perbezaan tingkatan pembangunan kemanusiaan.

Sosiologi

Tumpuan kajian ini cenderung untuk melihat nilai-nilai dalaman individu manusia yang diiktiraf dan menepati norma hidup masyarakat umum. Kajian juga turut mengenalpasti bagaimana penerimaan masyarakat terhadap nilai disebabkan perbezaan budaya dan geografi.

Ekonomi


Golongan sarjana ekonomi berpendapat teori nilai adalah berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi sumber dan pasaran. Nilai dilihat bersifat kuantitatif. Dari sudut yang lain, nilai juga difahami sebagai sebahagian daripada moral yang baik dan barang yang baik dan berharga (natural goods). Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu berlaku sedikit konflik di antara moral dan barang yang baik. Sebagai contoh, dari perspektif pertumbuhan ekonomi tembakau (material good) yang digunakan dalam industri rokok dilihat sebagai satu aktiviti yang positif untuk menjana ekonomi. Namun, dari aspek moral industri rokok akan menyumbang kepada masalah kesihatan rakyat seperti yang ditegaskan oleh pakar perubatan.

Etika dan Aksiologi

teori sistem nilai (mengukur perlakuan manusia sama ada betul, salah, baik, atau buruk). Ia membincangkan dari sudut pemahaman intuisi dan mempunyai hubung kait dengan etika. Sebahagian daripada ahli falsafah memperincikan nilai kepada elemen berikut:

1. Nilai instrumental dan bersifat instrinsik.
2. Nilai pragmatis.





>>>

Ini kerana meskipun prinsip syara' bersifat dogmatif namun terdapat ruang fleksibiliti dan dinamis dalam memahami prinsip wahyu. Di sinilah akal manusia berfungsi dalam mentafsirkan kehendak syara' menurut peruntukan yang ada dalam nas.

Dalam Islam, sistem nilai berteraskan agama yang menjadi pegangan masyarakat tidak berubah mengikut peredaran masa dan zaman. Hal yang sedemikian disebabkan sistem nilai yang didokong oleh Islam berasaskan kepada wahyu dan ia tetap relevan dalam memenuhi keperluan hidup masyarakat. Walau pun syara' memberi ruang kepada akal manusia, namun ruang yang diizinkan adalah terhad dalam ruanglingkup yang diizinkan oleh syara'. Sebagai contoh, kepercayaan kepada perkara-perkara ghaib yang diluar kemampuan akal manusia untuk menta'akulkan perkara tersebut. Begitu juga dengan persoalan dosa dan pahala. Individu muslim wajib beriman secara sepenuh hati tentang persoalan tersebut.

Begini juga dengan pengiktirafan kaum wanita. Islam mengangkat martabat kaum wanita sama sepertimana pengiktirafan terhadap kaum lelaki. Persepsi sistem nilai Islam terhadap wanita adalah jelas dan tidak pernah berubah disebabkan ianya dinisbahkan kepada petunjuk wahyu. Pemahaman ini dapat dilihat pada zaman Nabi Muhammad S.A.W, di mana kaum wanita mendapat tempat dan diberi peranan yang sewajarnya dalam menegakkan syi'ar Islam. Golongan ini turut menyumbangkan peranan sama ada dalam suasana aman ataupun dalam keadaan peperangan. Dalam suasana aman, golongan wanita turut terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan. Menurut al-Balaziri dalam kitabnya "Futuh al-Buldan", Ummu 'Atiyah telah diajar oleh Rasulullah S.A.W kaedah mengkhatakan kanak-kanak perempuan dan memandikan jenazah. Seorang tokoh wanita lain seperti Zainab al-Tabib dikenali sebagai seorang yang mempunyai kemahiran dalam perubatan seperti luka dan sakit mata.

Berbeza pula dengan sistem nilai tajaan Barat. Secara prinsipnya, teori nilai Barat adalah berasaskan kepada kesimpulan manusia berdasarkan kepada pemerhatian, pengkajian, pengalaman, pemikiran dan adat yang mempengaruhi manusia. Berdasarkan kepada metodologi tersebut, mereka telah membuat kesimpulan mengikut logik akal dan penerimaan masyarakat setempat. Selagimana penerimaan masyarakat terhadap sistem nilai tersebut, maka selagi itulah sistem nilai tersebut diiktiraf dan dijadikan sebahagian daripada norma hidup masyarakat. Persepsi masyarakat Barat terhadap sistem nilai sentiasa mengalami penambahbaikan

mengikut realiti, suasana masyarakat dan pemikiran manusia. Perubahan ini berlaku disebabkan perbezaan pemahaman tahap pemikiran manusia dan keperluan hidup norma masyarakat. Sebagai contoh, penerimaan nilai terhadap golongan homoseksual, penukaran jantina (transsexual) seksual bebas, persepsi wanita dan sebagainya. Barat tidak beranggapan perbuatan homoseksual merupakan satu fenomena songsang atau dikenali sebagai bilazim yang jelas bertentangan dengan ketentuan agama. Masyarakat mengiktiraf kelompok golongan tersebut. Bahkan Barat berpendapat tingkah laku simptom homoseksual adalah sesuatu yang lazim dan tabie dan bukannya pilihan hidup mereka.

Dalam konteks dunia wanita, sistem nilai yang ditaja oleh Barat dilihat tidak begitu konsisten dalam merungkai isu permasalahan golongan tersebut. Penonjolan idea emansipasi oleh tokoh-tokoh wanita Barat yang memperlihatkan komitmen terhadap kebebasan dan kehidupan yang lebih terbuka. Idea ini secara tidak langsung telah menyerlahkan lagi isu kemelut pemberontakan wanita di Barat. Secara tidak langsung senario yang berlaku ini memberi gambaran tentang penolakan terhadap sistem nilai kepercayaan masyarakat Barat yang bersifat membataskan perkembangan keperluan kehidupan personal wanita dan hasrat perjuangan untuk mendapatkan hak dan peluang yang lebih dalam lapangan kehidupan. Konflik ini timbul disebabkan sejarah masyarakat Barat telah meletakkan status wanita di tempat yang rendah dan hina. Sebaliknya masyarakat lebih mengagungkan nilai-nilai sekular.

Dalam lipatan sejarah Barat silam, pada era pemerintahan Victoria wanita dianggap sebagai makhluk yang bodoh, lemah, simbol seks dan sebagainya. Persepsi negatif sedemikian dapat dilihat dalam teks-teks kesusasteraan yang dimonopoli sepenuhnya oleh kaum lelaki yang terdiri daripada golongan paderi. Dalam penulisan novel-novel, kaum wanita dideskripsikan secara ekstrem sebagai perempuan jahat (scarlet women).

Walaupun bagaimanapun, akibat Penerimaan persepsi yang positif ini dapat dilihat dalam teks-teks penulisan novel yang ditulis oleh golongan intelek seperti Mary Wollstonecraft dalam A Vindication of the Rights of Women. Menurut Mustafa al-Siba'i dalam "Wanita Menurut Syariat Islam dan Peradaban Moden" bahawa masyarakat Barat melihat golongan wanita dengan persepsi yang negatif sehinggalah sampai satu ketika golongan wanita pandai menunggang kuda seperti yang dilakukan oleh kaum lelaki. Pada ketika itulah, golongan wanita mula mendapat tempat menurut pandangan masyarakat umum.

Dari segi cakupan pula, sistem nilai Barat dilihat bersifat melihat kepentingan manusia dari aspek zahiriah semata-mata berdasarkan kajian yang dibuat oleh pemikiran manusia. Oleh yang demikian, dalam keadaan tertentu mereka gagal untuk menilai sesuatu dalam ruanglingkup yang luas. Umpamanya, dalam isu pengklonan manusia (artificial twinning), golongan Barat beranggapan isu ini adalah untuk kebaikan kepada generasi yang akan datang untuk kelangsungan zuriat. Walau bagaimanapun, isu ini ditentang oleh pihak gereja. Eksperimen ujian berkenaan telahpun dilakukan oleh saintis Barat ke atas haiwan lewat tahun 1970-an. Isu pengklonan ini jelas bertentangan Islam, dan hukumnya adalah haram disebabkan perkara ini bertentangan dengan fitrah kejadian manusia. Perbuatan sedemikian memberi implikasi yang negatif dan menjatuhkan darjat manusia sama seperti haiwan.

Sebaliknya sistem nilai dalam Islam mencakupi aspek zahiriah dan batiniyah manusia. Ia bukan hanya bermatlamatkan keduniaan semata-mata bahkan mencakupi alam akhirat. Sistem nilai dalam Islam bukan sahaja meraikan pemikiran manusia sahaja tetapi juga perlu mengikut tatacara yang digariskan oleh Syariat Islam. Justeru itu, sistem nilai dalam Islam dilihat begitu konsisten dalam menangani isu permasalahan manusia. Ia tetap bersesuaian dengan fitrah kemanusiaan dan bersifat sejagat. Keunikan sistem nilai dalam Islam kerana ia merupakan kesepaduan antara pemikiran manusia yang dipandu oleh wahyu. Jika berlaku konflik dengan tuntutan wahyu maka nilai tersebut adalah ditolak.

Kesimpulan

Justeru itu, Islam mempunyai pandangan dan prinsipnya yang tersendiri dalam merangka sistem nilai menurut syari'at. Sistem nilai dalam Islam adalah merupakan adunan pemikiran manusia yang dipandu oleh wahyu. Prinsip-prinsip yang terdapat dalam wahyu menjadi kata pemutus untuk mengukur sama ada sesuatu nilai yang diiktiraf oleh masyarakat itu baik atau sebaliknya. Disinilah keistimewaan yang ada dalam sistem nilai menurut kerangka Islam. Ia berfungsi mendidik jiwa manusia menjadi insan terpuji dan beradab tinggi. Berbeza pula dengan Barat, sistem nilai tersebut ditaja oleh pemikiran manusia yang tidak bersifat eksklusif dan boleh dirungkai serta tidak konsisten. Nilai yang dipegang oleh masyarakat tersebut boleh berubah apabila berlaku perubahan penerimaan dalam masyarakat yang berasaskan kepada perbezaan intelektual, pengalaman, pemerhatian dan kajian-kajian lain. Sistem nilai tersebut tidak akan dipatuhi sepenuhnya kerana ia tidak disandarkan kepada tanggungjawab agama dan berakhlak.